

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
**JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada Rakyat Negeri Selangor yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

**TARIKH IKLAN : 15 MEI 2019**

**TARIKH TUTUP IKLAN : 31 MEI 2019**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>TARAF</b>	<b>KEKOSONGAN</b>
1.	Penolong Pegawai Senibina	JA29	Kontrak	2



**KELAYAKAN SPM MENGIKUT SISTEM TERBUKA  
UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

Calon-calon yang menduduki dan memiliki ***Sijil SPM mengikut Sistem Terbuka*** boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan demikian sebagai syarat lantikan. Bagi menentukan tahap kelulusan tersebut setaraf dengan kelulusan sijil Penuh SPM, iaitu sijil yang dikeluarkan sebelum pelaksanaan peperiksaan mengikut Sistem Terbuka, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:-

- (a) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus dalam satu peperiksaan; **ATAU**
- (b) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut;

***DAN***

- (c) Memenuhi syarat Bahasa Melayu samada Kepujian atau Lulus dan subjek-subjek tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk maksud ke jawatan-jawatan yang disyaratkan kelulusan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.